

BAB IV

BAB IV

PERKEMBANGAN LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA LUMPUR

4.1 SEJARAH LTH KUALA LUMPUR

Pada mulanya pejabat LTH telah ditempatkan di Tingkat 8, Bangunan Pejabat Kerajaan Jalan Gurney (Jalan Semarak) Kuala Lumpur. Pejabat ini juga telah berfungsi untuk LTH Kuala Lumpur dan sebagai pusat pentadbiran untuk seluruh Malaysia⁵⁵.

Pada bulan Jun 1963, Pejabat LTH telah dipindah ke Tingkat 3, Bangunan UMNO, 399 Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Sungguhpun demikian, sejak awal-awal lagi Pengurus Besar LTH telah berusaha untuk mendapatkan sekeping tanah di Jalan Ipoh Kuala Lumpur bagi membina Ibu Pejabat LTH yang tersendiri bersama-sama pejabat LTH Kuala Lumpur.

Pada 24 Jun 1963, LTH telah meluluskan pembelian tiga tapak sederet rumah kedai di Jalan Ipoh yang dimiliki oleh kerajaan untuk pembinaan Ibu Pejabat dan Pejabat LTH Kuala Lumpur. Setelah kelulusan

⁵⁵ Jabatan Perdana Menteri *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 tahun*, hlm 208

ini dikeluarkan, LTH telah menjadikan bangunan tersebut sebagai Ibu Pejabat LTH dan LTH Kuala Lumpur. Memandangkan keperluan yang lebih mendesak, satu bangunan baru setinggi 38 tingkat telah dibina. Iaitu yang terletak di Jalan Tun Razak. Bangunan ini terletak di atas tapak seluas 0.4 hektar (2 ekar) dan telah menelan belanja RM133 Juta. Ia telah sempurna dirasmikan pembukaannya pada 4 Muharam 1406 bersamaan 19 September 1985 oleh DYMM Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar ibnu Almarhum Sultan Ismail.⁵⁶

Dengan ini pejabat di Jalan Ipoh di khaskan cawangan LTH Kuala Lumpur yang mengurus segala keperluan wang untuk pendeposit di LTH Kuala Lumpur. Manakala di Ibu Pejabat Jalan Tun Razak adalah untuk operasi Ibu Pejabat seluruh cawangan. Dengan adanya bangunan sendiri yang besar ini dapat memperkuatkan lagi jentera pentadbiran di semua jabatan, cawangan dan anak-anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh LTH dalam sebuah bangunan.

⁵⁶ Ibid hal 209

4.2 FUNGSI-FUNGSI PEJABAT CAWANGAN LTH KUALA LUMPUR

Bidang tugas pejabat cawangan Kuala Lumpur ialah untuk menyampaikan berita-berita dan aktiviti-aktiviti LTH kepada masyarakat setempat. Ianya berfungsi sebagai tempat menerima wang simpanan, menguruskan hal ehwal jemaah haji, mengawal dan mengawasi pentadbiran di peringkat cawangan wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu termasuklah menyampaikan maklumat-maklumat ke Ibu Pejabat mengenai kegiatan-kegiatan pihak tertentu yang bercanggah dengan peraturan-peraturan LTH, serta menyampaikan teguran dan rungutan orang ramai berhubung dengan perjalanan LTH dan juga menjalankan segala arahan daripada Ibu Pejabat untuk disampaikan kepada pendeposit di cawangan dari semasa ke semasa⁵⁷.

Dengan tertubuhnya cawangan ini, LTH Kuala Lumpur telah dapat membantu tugas utama di Ibu Pejabat LTH untuk mendapatkan sebanyak mungkin orang Islam menyimpan di LTH. Melalui cawangan ini, orang ramai dapat dibekalkan maklumat-maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh LTH kepada pendeposit serta mengenai perkembangan dan kemajuan yang dicapai dari semasa ke semasa. Jesteru itu juga, penerangan diberikan secara meluas melalui syarahan, ceramah dan

⁵⁷ Ibid, hal 220

kempen-kempen. Keadaan ini dapat membantu ke arah peningkatan jumlah pendeposit serta kadar simpanan mereka. Dalam pada itu juga dapat memulihkan semula imej pentadbiran Islam dalam usaha menyeragamkan dan melicinkan lagi pentadbiran urusan haji umat Islam di Kuala Lumpur.

Dengan adanya pejabat ini juga dapat memberi kemudahan kepada pendeposit-pendeposit di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menambahkan jumlah simpanan mereka. Di mana pada tahun 1987 purata simpanan seorang pendeposit LTH ialah RM400.00 sahaja.

Pada keseluhannya dapat disimpulkan bahawa dengan adanya pejabat LTH Kuala Lumpur telah dapat membantu LTH bagi menyedarkan umat Islam untuk menyimpan dengan cara yang selamat dan halal. Dengan adanya pejabat berasingan di pejabat LTH Kuala Lumpur telah mengutip simpanan pada tahun 1978 RM5,718,081.01 dan meningkat kepada RM6,154,500.05 pada tahun berikutnya.⁵⁸

Fenomena ini juga menunjukkan bahawa LTH Kuala Lumpur telah berjaya mentadbir dan mengurus mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak. LTH Kuala Lumpur telah berjaya menonjol satu imej baru bagi pembangunan ekonomi Islam kerana dengan adanya bangunan-bangunan

⁵⁸ Ibid, hal 220

yang tersendiri ini akan memastikan pengurusan haji dapat dijalankan dengan baik. Jesteru itu, dapatlah dikatakan bahawa dengan adanya bangunan sendiri di Kuala Lumpur, ini dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatannya kepada pendeposit dan jemaah haji di Kuala Lumpur.

Secara keseluruhannya pejabat LTH Kuala Lumpur melaksanakan 4 fungsi utama iaitu :-

- 1) Urusan Haji
- 2) Urusan Pentadbiran
- 3) Urusan Kewangan
- 4) Urusan Pemasaran⁵⁹

Keempat-empat unit ini telah memainkan peranan masing-masing ke arah mengukuhkan lagi ekonomi umat Islam di Kuala Lumpur.

⁵⁹ Ibid, hlm 220

4.3 KEPERLUAN KEWANGAN

Bagi menjalankan operasi pentadbiran LTH memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Pada tahun pertama operasinya LTH telah mendapat bantuan Kerajaan Persekutuan (dibawah Kementerian Wilayah Persekutuan waktu itu) sejajar dengan perkembangan aktivitinya, perbelanjaan pentadbir LTH Kuala Lumpur semakin bertambah dari tahun ke tahun. Ini disebabkan oleh pertambahan dalam bilangan penyimpan, jumlah simpanan, permohonan untuk menunaikan fardu haji, urusan permodalan dan untuk memperhebatkan kempennya kepada seluruh umat Islam dari semua peringkat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perbelanjaan LTH telah meningkat dari RM173,412 pada tahun 1963 kepada RM2,247,739 dalam tahun 1973.⁶⁰

4.4 SUMBANGAN EKONOMI KEPADA MASYARAKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Umat Islam yang ingin menunaikan fardu haji adalah digalakkan supaya menghubungi LTH untuk mendaftar menunai fardu haji. Wang naik haji akan diambil daripada jumlah akaun simpanan mereka. Walaubagaimanapun skim simpanan tabung haji dan pendaftaran haji

⁶⁰ Ibid, hal 213

terbuka telah diwujudkan bagi memudahkan lagi bakal-bakal haji di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menunaikan ibadat haji. Dimana skim ini memberi peluang kepada bakal-bakal haji mengatur bagi menunaikan fardu haji dengan cara lebih tersusun, selesa dan terbaik.

LTH dapat menolong orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencapai cita-cita mereka untuk menunaikan fardu haji dengan cara yang cekap, dalam tempuh yang lebih singkat dan perkhidmatan yang lebih sempurna.

4.4.1 Pendaftaran Haji

Mulai tahun 1995, LTH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memperkenalkan Sistem Pendaftaran Haji Terbuka. Perkhidmatan ini memberi peluang kepada penduduk Islam Kuala Lumpur untuk mendaftar haji mengikut tahun pilihannya pada bila-bila masa.

Keutamaan pemilihan menunaikan fardu haji melalui Sistem Pendaftaran Haji Terbuka tertakluk pada tarikh dan masa pendaftaran tahun pilihannya, berdasarkan sesiapa mendaftar dulu, didahulukan. Jika bakal haji

tidak terpilih pada tahun yang dipilih, pendaftaran hajinya akan dibawa ke tahun berikutnya.

- Tatacara Pendaftaran Haji

Umat Islam Kuala Lumpur boleh membuat pendaftaran haji pada bila-bila masa di Pejabat LTH berdekatan iaitu tertakluk kepada kekosongan tahun pilihan naik haji.

- Kuota dan Keutamaan Pemilihan

Kerajaan Arab Saudi telah menghadkan bilangan jemaah haji setiap tahun, sehubungan itu keutamaan pemilihan pemergian menunaikan haji adalah berdasarkan kepada mereka yang ‘mendaftar dahulu didahulukan’ mengikut tarikh dan masa pendaftaran.

- Syarat-syarat Pendaftaran

- Warganegara Malaysia dan pemastautin tetap yang beragama Islam.

- Mempunyai akaun simpanan dalam LTH dengan jumlah minima iaitu RM 1300.00 ketika pendaftaran.

- Jika pemohon seorang muflis, surat pelepasan secara bertulis daripada Pejabat Pemegang Harta hendaklah dikemukakan semasa mendaftar.

- Permohonan pendaftaran haji bagi wanita hendaklah mempunyai suami atau mahram.
- Surat beranak bagi mereka yang berumur 12 tahun kebawah.
- Bakal haji yang lanjut usia hendaklah ditemani oleh waris.
- Bakal haji yang tidak siuman, tidak dibenarkan mendaftar haji kerana ia tidak wajib mengerjakan haji dan jika ia menunaikan haji, hajinya tidak sah.
- Pengidap penyakit yang tiada harapan sembuh tidak wajib menunaikan fardhu haji.
- Tempat mendaftar boleh dibuat dimana-mana pejabat LTH.
- Dapatkan borang daftar haji di pejabat LTH secara percuma.
- Pejabat Daftar Haji akan memberitahu tarikh, masa dan tempat kursus haji.
- Pejabat Daftar Haji akan menhubungi bakal-bakal haji yang terpilih. Jadual 4.1 menunjukkan carta aliran aktiviti urusan haji.

CARTA ALIAN
AKTIVITI URUSAN HAJI

NO	PERKARA
1	PENDAFTARAN
2	PENGELUARAN PASPORT
3	KURSUS HAJI
4	PEMERIKSAAN KESIHATAN
5	VISA HAJI
6	PENERBANGAN HAJI
7	KETIBAAN DI JEDDAH / MADINAH
8	PERKHIDMATAN KEBAJIKAN DAN KESIHATAN
9	URUSAN BALIK DI JEDDAH / MADINAH
10	PENERBANGAN BALIK
11	PENILAIAN OPERASI HAJI (POST MORTEM)

Jadual 4.1

4.4.2 Kemudahan Simpanan

Pada tahun 1963 kerajaan telah membuat pengumuman yang membolehkan orang-orang Islam Malaysia menyimpan wangnya di dalam PWSBH. Melalui pindaan Undang-undang L.N. 433/64. Dengan cara ini membolehkan orang-orang Islam seluruh Malaysia menyimpan wang di LTH. Dengan cara ini penyimpan di Kuala Lumpur dapat menyimpan secara berdikit-dikit di LTH Kuala Lumpur untuk tujuan menunaikan fardhu haji ke Makkah.

Para pendeposit boleh menyimpan di LTH Kuala Lumpur dengan cara datang ke kaunter LTH, pejabat pos, melalui kiriman wang dan membuat potongan gaji bulanan. Sehingga Disember tahun 1963 seramai 1,281 orang telah menjadi pendeposit LTH dengan jumlah simpanan RM46,610 yang kebanyakannya adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan dan swasta yang berkerja di Ibu Kota Kuala Lumpur.⁶¹

⁶¹ Ibid hal 167

4.4.3 Perkhidmatan Skim-Skim di LTH

a) Skim Potongan Gaji Untuk Diri dan Keluarga

Di bawah skim ini keluarga pendeposit boleh menyimpan melalui potongan gajinya tiap-tiap bulan samada untuk isteri, anak atau ibu bapa. Skim ini diperkenalkan pada tahun 1977. Skim ini adalah merupakan kemudahan yang disediakan oleh LTH untuk pendeposit membuat simpanan bagi diri dan keluargannya secara bulanan melalui potongan gaji. Skim ini juga bertujuan untuk menggalakkan ibu bapa selain daripada menyimpan untuk dirinya tetapi menyimpan untuk anak-anak dari pelbagai peringkat umur. Selain daripada itu, potongan gaji juga boleh dibuat untuk isteri, ibu bapa dan adik beradik.

Kelebihan skim ini :-

- Simpanan boleh dibuat setiap bulan tanpa perlu datang ke pejabat LTH Wilayah Persekutuan.
- Anak-anak boleh menjadi pendeposit LTH sejak ia dilahirkan dan mempunyai simpanan dari potongan gaji ibu bapa.

- Dapat menanam sikap jimat cermat dan minat menabung di kalangan kanak-kanak dan merancang keperluan wang mereka di masa hadapan.
- Ahli keluarga lain yang tidak mempunyai pendapatan tetap dapat menjadi pendeposit LTH melalui skim ini.
- Bagi pendeposit yang mempunyai impian untuk menunaikan fardhu haji, simpanan bulanan secara tetap melalui skim ini akan membantu merealisasikan impian pendeposit secara bersistem.

b) Skim Pelaburan Ahli KWSP Didalam LTH

LTH telah dilantik oleh KWSP sebagai salah sebuah Institusi (Pengurusan Dana IPD) untuk membolehkan ahli KWSP yang layak menyertai Skim Pelaburan Ahli KWSP. LTH telah mula menawarkan skim ini pada 1 Januari 1997. Ahli KWSP yang layak menyertai skim ini mestilah beragama Islam dan mempunyai simpanan sekurang-kurangnya RM55,000.00 di dalam Akaun 1 (KWSP). Seramai 1217 pendeposit telah menyertai skim ini di Kuala Lumpur yang mana berjumlah RM 24 juta telah dikumpulkan sehingga 31 Des 1998.⁶²

⁶² Lembaga Tabung Haji, *Ahli KWSP Didalam Tabung Haji, 1999*, Bahagian Pemasaran LTH Kuala Lumpur.

c) Skim Pelan Tabungan Untuk Saraan Bulanan

Pelan Tabungan untuk Saraan Bulanan adalah satu pelan yang disediakan oleh LTH di mana keuntungan yang diperolehi dikreditkan ke dalam akaun pendeposit pada akhir tahun. Keuntungan ini dikeluarkan secara ansuran setiap bulan bermula pada bulan ke 13.

Tujuan pelan ini juga untuk memberi kemudahan pendeposit pendeposit Lembaga Tabung Haji Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang memerlukan saraan bulanan bagi keperluan harian tanpa menjaskankan simpanan pokok. Peluang ini terbuka terutamanya kepada pesara-pesara yang menerima gratuiti dan bayaran daripada mana-mana kumpulan wang penceh layak menyertai skim ini. Selain daripada itu, mereka yang mempunyai wang tidak kurang daripada RM10,000.00 dalam akaunnya juga boleh menyertai skim ini. Jadual 4.2 menunjukkan pelan tabungan untuk saraan bulanan jika kadar bonus 8.0%. Manakala jadual 4.3 menunjukkan bayaran bonus tahunan LTH.

Kelebihan skim ini :

- Pendapatan tetap bulanan. Cek-cek ansuran akan dikirimkan terus kepada peserta dan boleh ditunaikan setiap bulan di mana-mana pejabat Lembaga Tabung Haji.

**CONTOH PELAN
TABUNGAN UNTUK SARAAN BULAN
JIKA KADAR BONUS 8.0%**

JUMLAH SIMPANAN RM	KADAR BONUS SETAHUN RM	KADAR BONUS BULANAN RM
10,000	800	66.66
20,000	1,600	133.33
30,000	2,400	200.00
40,000	3,200	266.66
50,000	4,000	333.33
60,000	4,800	400.00
70,000	5,600	466.66
80,000	6,400	533.33
90,000	7,200	600.00
100,000	8,000	666.66
200,000	16,000	1,333.33
300,000	24,000	2,000.00
400,000	32,000	2,666.66
500,000	40,000	3,333.33
600,000	48,000	4,000.00
700,000	56,000	4,666.66
800,000	64,000	5,333.33
900,000	72,000	6,000.00
1,000,000	80,000	6,666.66

*Kadar bonus adalah berdasarkan kadar yang akan ditentukan pada setiap tahun.⁶³

Jadual 4.2

⁶³ Lembaga Tabung Haji, *Pelan Tabungan*, 1999 Bahagian Pemasaran LTH Kuala Lumpur

**BAYARAN BONUS TAHUNAN
LEMBAGA TABUNG HAJI**

TAHUN	% BONUS
1995	9.5
1996	9.5
1997	9.5
1998	8.0
1999	8.0

Kadar bonus tahunan⁶⁴

Jadual 4.3

⁶⁴ Lembaga Tabung Haji, *Pelan Tabungan*, 1999 , Bahagian Pemasaran LTH Kuala Lumpur

- Simpanan pokok tidak terjejas.
- Kemudahan pengeluaran. Pendeposit boleh mengeluarkan wang simpanan seperti simpanan biasa tertakluk kepada syarat-syarat penyertaan iaitu baki tidak kurang daripada RM10,000.00 dalam satu-satu masa.
- Dapat merancang perbelanjaan sekolah dengan lebih terancang.
- Perbelanjaan bulanan yang halal. Peserta tidak perlu ragu-ragu daripada perbelanjaan harian kerana yang diterima adalah halal.

d) Skim Hadiah Galakan Sekolah-sekolah Malaysia

Skim ini diperkenalkan adalah untuk menggalakan murid-murid sekolah menanam semangat suka berjimat cermat dengan menyimpan di LTH. Selain daripada itu juga dapat menggalakan guru-guru dan kakitangan sekolah menyimpan di LTH. Dengan ini dapat menarik lebih ramai lagi murid-murid menyimpan di LTH.

Skim ini telah diwujudkan pada tahun 1984.. Setakat 31 Des 1998 sebanyak 25 buah sekolah rendah dan menengah telah menyertai skim ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

4.4.4 Kemudahan Pengeluaran

Satu lagi kemudahan LTH telah diberikan ialah kemudahan pengeluaran wang kepada pendeposit. Pendeposit boleh mengeluarkan wangnya secara tunai dan tanpa had kekerapan. Perkhidmatan ini telah dilakukan disemua kaunter LTH di seluruh cawangan. Manakala pengeluaran yang melebihi RM10,000 akan diuruskan melalui cek. Melalui sistem on-line LTH telah berkembang di mana perkhidmatan pengeluaran boleh dilakukan di Tanah Suci setiap masa tanpa mengira musim haji atau umrah. Selain daripada itu, kemudahan yang diberikan ialah pengeluaran wang melalui pindahan telegraf, pindah simpanan serta pengeluaran pesaka.

4.5 Sumbangan Ekonomi LTH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pada masa kini, LTH telah melabur dalam berbagai bidang perusahaan yang halal di sisi agama Islam. LTH berusaha agar wang simpanan umat Islam akan mempunyai tenaga yang kuat dalam memainkan peranannya untuk penyebaran ekonomi umat Islam Malaysia. Oleh itu peningkatan dalam jumlah pendepositnya bermakna pertambahan dalam jumlah simpanannya. Ini akan dapat memberi sumbangan yang besar kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta merupakan satu jalan keluar dari kemiskinan kepada masyarakat yang berada.

Oleh yang demikian, LTH bermakna selain berfungsi dalam perkhidmatan haji dan umrah, LTH telah menceburkan diri dalam kegiatan pelaburan untuk mendapatkan pulangan yang menguntungkan. Dalam masa yang sama LTH juga menjalankan aktivitinya menurut lunas-lunas yang dibenarkan oleh Islam disamping menjayakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk kebaikan, kesejahteraan dan pembangunan ekonomi ummah.

Oleh itu urusan simpanan yang diterima daripada pendeposit telah dilaburkan dalam perusahaan-perusahaan yang sesuai dengan tuntutan

syara'. Dengan membeli harga tetap seperti tanah dan bangunan, membeli saham-saham daripada syarikat perusahaan dan perdagangan seperti bijih timah, getah, kelapa sawit, minyak, simen, kayu, gula dan tepung telah memberi pulangan yang sangat baik dan menguntungkan. Keuntungan yang diperoleh dari apda pelaburan itu dikembalikan kepada pendeposit dalam bentuk pulangan bonus.

4.5.1 Data Keuntungan Kepada Pendeposit di Kuala Lumpur.

TAHUN	JUMLAH (RM)
1996	9,594,077.50
1997	13,731,294.20
1998	15,362,528.00
1999	22,658,412.00

4.5.2 Pelaburan dalam Hartanah

Setelah ditubuh pada tahun 1963, LTH Kuala Lumpur telah memperlihatkan pertambahan bangunan-bangunan untuk disewakan kepada peniaga dan korporat bumiputera di mana bangunan di Wilayah Persekutuan adalah seperti dalam jadual 4.4. Manakala senarai tanah dan bangunan milik LTH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti jadual 4.5.

BANGUNAN YANG DI DUDUKI OLEH LEMBAGA TABUNG HAJI DAN DIJADIKAN PEJABAT OPERASI

TH Jalan Ipoh 26/06/1969	Bangunan Tabung Haji 148 Jalan Ipoh 51200 Kuala Lumpur	4 Tingkat
TH Lot 4 Jalan Rahmat 30/07/1994	Lot 4 Jalan Rahmat Kuala Lumpur	4 Tingkat
TH Lot 28 Jalan Rahmat 26/07/1983	Lot 28 Jalan Rahmat Kuala Lumpur	6 Tingkat

Jadual 4.4

**SENARAI TANAH DAN BANGUNAN MILIK
TH KUALA LUMPUR**

5

BIL	BUTIRAN	NO. LOT
1	Bangunan TH 5 tkt. Di Jalan Ipoh 1.1.1 Sekatan /Ubahsuai Pejabat	1.2.3 SEK 48
2.	12 Unit Rumah Berderet di Taman Setapak, Jalan Gombak	6402-6413
3.	Bangunan TH 4 tkt. Jalan Rahmat/Ipoh	260 SEK 48
4.	Bangunan 6 tkt di Jalan Rahmat 1.4.1 PT. 5 SEK 48 1.4.2 195 SEK 48 1.4.3 212 SEK 48	PT. 5 SEK 48 195 SEK 48 212 SEK 48
5.	Bgn. 4 ½ (B') tkt. Jln. Loke Yew	1044 SEK 69
6.	Bgn. Ibu Pejabat TH 38 tkt. Jalan Tun Razak	183 & 292 SEK 63
7.	Cdg. Bgn. 4 tkt. Di Wilayah Persekutuan 1.7.1 Sekatan/Ubahsuai Pejabat	LA 20124888
8.	10 unit Bgn. Tkt. Bdr. Tasik Selatan	-
9.	Tapak Bgn. Di Bukit Jalil	PT 5329 & 5330
10.	1 Blok Apartment Bdr. Tasik Selatan	-
11.	Blok 1B KL Sentral	-
12.	Menara Pejabat 31 Tkt. (Selborn City)	-
13.	Menara Pejabat Plaza Potential	-
14.	Tapak Tanah di Keramat Permai	Lot 519

Pembangunan dalam bentuk perumahan terbuka kepada sebarang pembangunan tanah yang halal mengikut hukum syarak. Ianya melibatkan pembelian tanah untuk dibangunkan. Tanah ini akan dijadikan tapak perumahan dan juga perniagaan. Usaha kearah ini melibatkan badan-badan berkanun dan orang perseorangan. Pelaburan dalam bentuk pembelian harga tetap juga melibatkan pembelian tanah dan bangunan. Bangunan dan perumahan akan dimajukan kamudian ditawarkan kepada penduduk Islam Kuala Lumpur. Agihan perumahan yang dibuat oleh LTH kepada umat Islam yang beminat mengikut nisbah 9-1 iaitu 90% - 10%. 90% kepada penduduk bumiputera (Islam) dan 10% kepada bukan bumiputera.

Manakala dari segi rumah kedai atau pejabat dibuat dan diagihkan mengikut kadar yang sama. Ruang pejabat yang dibina atas nama bangunan LTH , ruang ini diduduki oleh LTH dan ada juga disewa kepada mereka yang berminat. Sebagai contoh bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji di jalan Tun Razak tidak semua didudukinya, hanya lapan tingkat yang diduduki manakala yang selebihnya disewa bagi mendatangkan keuntungan.

4.5.2 Kesimpulan

Penulis telah membuat kesimpulan bahawa kajian yang dibuat ini jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan LTH adalah bertunjangkan kepada aktiviti-aktiviti pelaburan yang membawa keuntungan disamping berfungsi dalam perkhidmatan haji. Dimana konsep awal disebalik kewujudan LTH ialah bagi membolehkan kaum muslimin menyimpan wang untuk menunaikan fardu haji ke Mekah tanpa sebarang keraguan tentang soal riba¹, pada masa yang sama mereka juga memperolehi keuntungan yang megembirakan daripada simpanan mereka.

LTH bukan saja mampu penyediakan perkhidmatan-perkhidmatan haji yang cekap malahan dapat menjamin pulangan maksimum kepada penyimpan-penyimpanya. Pendeposit-pendeposit telah mendapat hasil daripada faedah LTH ditubuhkan khasnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Faedah yang diperolehi dengan secara langsung adalah melalui bonus tahunan yang dikeluarkan oleh LTH kepada pendeposit-pendepositi, manakala secara tidak langsung pula adalah melalui projek-projek perumahan dan juga rumah kedai. Perumahan dan rumah kedai adalah bagi mereka yang berminat dan berkelayakan saja.